

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini direka untuk memberikan anda maklumat penting tentang takaful kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 1 Januari 2026

1 Apakah itu Takaful myFlexi PA?

Takaful myFlexi PA menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan.

Konsep Syariah yang Diguna Pakai:

- **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. Manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am (DTA) adalah berdasarkan Hibah.
- **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (Takaful Malaysia) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi.
- **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain.
- **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak **RM116.00** setahun (Pelan 1), anda akan menerima **perlindungan** asas sijil takaful kemalangan diri seperti berikut:

Sijil asas ini **melindungi**:

Manfaat	Jumlah Perlindungan (RM)
Kematian	50,000
Keilangan Kekal	50,000
Bonus Pembaharuan (Peningkatan dalam jumlah perlindungan untuk Kematian dan Keilangan Kekal)	10% setiap tahun, maksimum 50%
Pampasan Berganda	50,000
Perbelanjaan Perubatan (Had Tahunan)	1,000
Had kecil untuk (Jumlah had tidak boleh melebihi Had Tahunan Perbelanjaan Perubatan):	200
• Rawatan Perubatan Alternatif (sehari, sehingga 5 hari)	1,000
• Perbelanjaan Kemasukan ke Hospital kerana COVID-19	
Elaun Hospital Harian (sehari, sehingga 30 hari)	100
Elaun Unit Rawatan Rapi (ICU) (sehari, sehingga 10 hari)	200
Perbelanjaan Penghantaran Pulang	3,000
Elaun Pengebumian	3,000
Badal Haji	2,000
Peralatan Ortopedik	2,000
Yuran Ambulans	500
Elaun Koma (> 14 hari)	1,000
Elaun Luka Melecur Teruk	5,000

Sijil ini **mengecualikan**:

- Penyakit sedia ada;
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- Kesan atau pengaruh dadah atau alkohol;
- Pembunuhan atau serangan provokasi;
- Sebarang akibat yang timbul daripada melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang tidak sah atau jenayah; dan/atau
- Sukan berbahaya seperti terjun udara, terjun terbing, dan lompatan *bungee*.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di bawah sijil ini.

Dengan membayar sumbangan tambahan, anda boleh menambah perlindungan untuk memasukkan:

Manfaat Tambahan Perlindungan Kewangan (Pilihan 1)

- Bayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan Tertunggak - RM15,000 dibayar apabila berlaku Kematian/Hilang Upaya Kekal
- Pampasan Bencana Alam - RM1,500 dibayar apabila berlaku Kerosakan pada Rumah atau Kenderaan Bermotor
- Kehilangan Wang Tunai Dikeluarkan dari Mesin ATM akibat Ragut/Rompak dalam Tempoh 30 Minit sebanyak RM1,000
- Elaun Kecurian Ragut sebanyak RM500

Manfaat Tambahan Perlindungan Kehidupan (Pilihan 1)

- Manfaat Mingguan (seminggu, sehingga 52 minggu) sebanyak RM200 setiap minggu
- Pembedahan Kosmetik Muka atau Pergigian sebanyak RM5,000

Manfaat Tambahan Basikalku (dengan jumlah perlindungan RM3,000)

- Kerosakan Basikal akibat Kemalangan atau Kecurian Ragut sebanyak RM3,000

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Layari kami di:

www.takaful-malaysia.com.my/products/takaful-myflexi-pa/



Emel kami di:

csu@takaful-malaysia.com.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful kemalangan diri ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Perlindungan Asas	RM116.00 setahun
Perlindungan Tambahan	
• Perlindungan Kewangan (Pilihan 1)	RM45.00 setahun
• Perlindungan Kehidupan (Pilihan 1)	RM37.00 setahun
• Basikalku (dengan jumlah perlindungan RM3,000)	RM75.00 setahun
Jumlah sumbangan takaful	RM273.00 setahun
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Yuran Wakalah (sebahagian daripada jumlah sumbangan takaful RM273.00)	60% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM163.80 : - Komisen 25% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM68.25 - Perbelanjaan Pengurusan 35% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM95.55
Duti Setem	RM10.00 <i>Duti setem untuk sumbangan yang tidak melebihi RM150.00 dikecualikan sehingga 31/12/2028.</i>
Caj lain yang dikenakan	8% Cukai Perkhidmatan atau RM21.84
Jumlah sumbangan takaful yang perlu anda bayar	RM304.84

4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat semasa membuat permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Perlindungan takaful hanya akan berkuat kuasa setelah anda membayar sumbangan (tunai sebelum perlindungan).
- Untuk produk ini, umur kemasukan minimum ialah 18, dan umur kemasukan maksimum ialah 65. Produk ini boleh diperbaharui sehingga umur 74.
- Orang yang Layak
 - Rakyat Malaysia;
 - Penduduk Tetap Malaysia; atau
 - Pekerja Asing yang memiliki permit kerja sah di Malaysia (Pekerjaan Kelas 1 – Pekerja kolar putih yang bekerja dalam pejabat sahaja).
- Pemberitahuan bertulis mengenai sebarang kejadian yang berkemungkinan menimbulkan tuntutan perlu dikemukakan kepada kami secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada 14 hari selepas kemalangan yang menyebabkan kecederaan atau kerugian tersebut. Anda mungkin dikehendaki, atas kos kami, menjalani pemeriksaan perubatan lanjut.

Nota: Senarai di atas **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah sijil ini.

? Boleh saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Unit Khidmat Pelanggan (CSU) kami melalui e-mel, dengan mengunjungi mana-mana Takaful myCare Centres (TMCC) atau ejen yang sah, atau melalui portal [myTakaful Customer](#). Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan secara prorata daripada sumbangan, tertakluk pada sumbangan minimum RM25.00 akan disimpan oleh kami, dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan. Tiada yuran pembatalan akan dikenakan.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselua oleh Bank Negara Malaysia.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH PRODUK YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS (TIPS) PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY/MY).